

Jenis Akhbar : Utusan Online  
Tarikh : 18/09/2019  
Edisi / Muka surat : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)  
Tajuk : **MACCOPS 2019 'game changer' kepada produk tempatan**

## MACCOPS 2019 'game changer' kepada produk tempatan

AZRUL HAKIMIE ANUER



Abdul Fattah Abdullah (tiga dari kanan) mengetuk gong sebagai gimki pra pelancaran Majlis Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia di Wisma Ungku A. Aziz Kelana Jaya, Petaling Jaya hari ini. - UTUSAN ONLINE/ MOHD. NAJIB MOHD. NOR

18 September 2019 2:31 PM

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Penganjuran Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2019 diharapkan mampu menjadi 'game changer' kepada usaha memperkenalkan produk tempatan ke peringkat antarabangsa.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebelum ini tiada platform perniagaan sedemikian rupa yang dilihat mampu melonjakkan lagi peluang perniagaan kepada gerakan koperasi.

Ujarnya, program yang memasuki tahun keempat penganjuran itu juga memberi motivasi kepada koperasi untuk memikirkan bagaimana memperluaskan penjualan produk keluar negara.

"MACCOPS ini akan melibatkan usaha-usaha yang lebih agresif dan mereka (gerakan koperasi) akan merasakan boleh meluaskan lagi pulangan produk keluaran koperasi mereka.

"Seperti kita tahu dalam bidang pemasaran ini promosi penting dan ini antara kaedah dengan menyediakan platform MACCOPS," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pra Pelancaran MACCOPS 2019 di sini hari ini.

MACCOPS 2019 bakal dijalankan di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru pada 28 hingga 30 November depan.

Abdul Fattah berkata, MACCOPS 2019 menyasarkan jualan dagangan sebanyak RM50 juta dengan jangkaan hadirin lebih daripada 30,000 orang.

Katanya lagi, untuk tahun ini seramai 180 pempamer akan mengambil bahagian termasuk dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Brunei, Vietnam, Korea dan Jepun.

- *UTUSAN ONLINE*